

Rumah bergegar ketika mandi

Tebing sungai runtuh berikutan kerja korek sungai

SYAIRI SHAARI

SENTUL - Sebuah keluarga panik apabila bahagian dapur rumah mereka tiba-tiba bergegar berikutan tebing sungai runtuh ketika kerja mengorek sungai oleh kontraktor di Kampung Padang Balang.

Ainon Ujang, 59, berkata, ketika kejadian, anaknya sedang mandi dan mendengar satu bunyi letupan kuat menyebabkan rumahnya bergegar.

Menurutnya, dia menjerit ketakutan dan tergamam kerana pertama kali mengalami kejadian seperti itu.

"Selepas keadaan tenang, baru kami tahu apa yang berlaku apabila melihat tebing sungai di bahagian belakang rumah runtuh berikutan kerja mengorek sejak sebulan lalu," katanya yang tinggal di Lot 555-4 Lorong Padang Balang 8, Kampung Padang Balang.

Ainon berkata, sepatutnya kontraktor memikirkan keselamatan penduduk



AINON

dengan menanam cerucuk atau penahan sebelum mengorek kerana rumahnya kini berisiko akan runtuh ke dalam sungai pada bila-bila masa sahaja.

"Saya berharap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak terlepas pandang perkara ini dan sepatutnya pihak berkaitan berbincang dengan penduduk lebih awal sekiranya kerja mengorek sungai membabitkan tanah diduduki penduduk sekarang," katanya.

Sementara itu, *Sinar Harian* difahamkan beberapa rumah di situ terlibat dalam pemindahan berikutan kerja projek mengorek sungai tetapi penduduk mendakwa tiada notis hitam putih daripada pihak berkuasa supaya berpindah.

Mengulas mengenainya, Ainon berkata, dia merujuk perkara itu dengan DBKL tetapi masih tiada kata putus.

Katanya, DBKL notis pemindahan belum diberi dan perbincangan masih berjalan tetapi kerja mengorek sudah dilakukan.



Kerja-kerja mengorek sungai yang menyebabkan tebing sungai runtuh.